"Sebuah PPS iaitu Dewan Parit Hassan telah ditutup pada pukul 8 malam tadi berikutan lima mangsa daripada sebuah keluarga dibenarkan pulang ke rumah.

"Bagaimanapun, sebuah lagi PPS baru dibuka di Kulai, iaitu Surau Kampung Sungai Siam yang menempatkan 46 mangsa daripada 10 keluarga, pukul 4 petang tadi," katanya.

Di Pulau Pinang pula, Pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Tasek Junjong yang menempatkan 31 mangsa banjir daripada lima keluarga sehingga petang tadi, telah ditutup sepenuhnya menjelang malam ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Pulau Pinang, Phee Boon Poh dilaporkan *Bernama* berkata semua mereka telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing selepas paras air menyurut.

"Manakala di PPS Dewan Rukun Tetangga Taman Suria Aman pula sudah tiada mangsa banjir kerana mereka balik ke rumah masing-masing namun PPS itu masih belum ditutup lagi dan dalam keadaan bersiap sedia jika kediaman di kawasan tersebut dilanda banjir kilat," katanya malam ini.

Bagaimanapun, katanya setakat pukul 9 malam ini, 78 mangsa banjir daripada 19 keluarga masih ditempatkan di tiga PPS berbanding 124 orang daripada 32 keluarga di lima PPS petang tadi.

"Selain pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) turut ditempatkan di PPS bagi membantu mangsa-mangsa banjir," jelasnya.

Menurutnya lagi, pihak bomba turut membantu membuat rondaan bagi memberi bantuan segera kepada penduduk di kawasan rendah yang rumah mereka dilanda banjir kilat jika berlaku hujan lebat lebih dua jam.